

Penularan COVID-19

Pengeraman lebih 14 hari tingkat jangkitan

Individu sihat ambil masa lama tunjuk gejala penyakit

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tempoh pengeraman COVID-19 dalam tubuh manusia yang dijangkiti virus itu boleh melebihi 14 hari menyebabkan risiko penularan lebih lama dan meluas.

Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC) Universiti Malaya, Prof Dr Sazaly Abu Bakar, berkata perkara itu boleh terjadi sekiranya individu terbahit mempunyai kesihatan yang baik.

Beliau berkata, ia juga menyebabkan tempoh lebih lama diperlukan sebelum tubuh seseorang itu bereaksi dengan virus berkenaan dan mencetuskan gejala seperti batuk dan demam.

"Ia selaras dengan kajian dijalankan hospital dan institusi perubatan di China membabitkan 1,000 pesakit COVID-19 pada bulan lalu yang mendapati tempoh pengeraman virus ini boleh mencecah 24 hari, bukannya 14 hari seperti yang dilaporkan sebelum ini.

"Dalam kes penyakit

berjangkit, tidak semua pesakit menunjukkan tindak balas sama. Jika kesihatan, imunisasi, paru-paru dan jantung dalam keadaan baik, seseorang itu mungkin lambat menunjukkan gejala, sekali gus tempoh pengeramannya lebih daripada 14 hari," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Katanya, keutamaan bagi Kementerian Kesihatan (KKM) ketika ini bukan hanya mengesan pesakit sifar, tetapi mengawal penularan COVID-19 dengan mengesan kontak rapat seberapa segera yang mungkin.

"Sebagai contoh, jika individu dijangkiti virus itu pergi ke masjid, sama ada menunaikan solat fardu, solat Jumaat atau majlis keagamaan lain, mereka yang lain berada di masjid wajar dikategorikan sebagai kontak rapat dan perlu juga dikesan," katanya.

Sazaly juga mencadangkan supaya KKM mengesan pesakit sifar menggunakan kaedah sains forensik dengan menjalankan penjujukan ke atas genom virus individu yang dijangkiti COVID-19.

"Menerusi kaedah ini,



Dr Sazaly Abu Bakar

kita isolasikan virus daripada pesakit dan buat penjujukan ke atas genom bagi membandingkannya dengan virus yang diisolasi daripada pesakit lain, sama ada di Malaysia atau China.

"Menerusinya, kita boleh kesan susur galur asal virus itu," katanya yang turut mencadangkan KKM bekerjasama dengan agensi kementerian atau satu daripada lima universiti tempatan, iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia atau Universiti Teknologi Malaysia untuk melaksanakan penjujukan ke atas genom itu.

"KKM mungkin berdepan kekangan ketika ini untuk melaksanakan penjujukan ke atas genom secara sendiri kerana kekurangan atau pakar yang sibuk mengendalikan aspek lain dalam menangani COVID-19," katanya.



Orang ramai memakai topeng muka sebagai langkah berjaga-jaga susulan gelombang kedua penularan COVID-19 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)